



**KESILAPAN SINTAKSIS DALAM PENULISAN MEMO DALAMAN**



Oleh

**NORLIA BINTI PUTIT**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**September 2020**

**FBMK 2020 69**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

**“Dengan Nama Allah**  
Yang Maha Pemurah  
Lagi Maha Penyayang,  
Selawat Dan Salam  
Ke Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W”

### **Titipan untuk suamiku**

Di sini ada tangisan,  
ada perjuangan, ada luka,  
ada tawa, bahagia dan rindu dan  
itu semua yang memberiku kekuatan  
dalam mengejar erti sebuah kejayaan

### **Titipan untuk anakanda tersayang**

Akmal Danish, Aina Dania dan Auni Damia  
Kekuatan dan sumber inspirasi mama  
Kemanisan pasti diraih dari jerit perit  
Tanpa mengenal erti putus asa  
Moga perjalanan ilmu kalian akan dipermudahkan olehNYA

### **Titipan untuk arwah ayahanda tercinta**

Terima kasih ayah,  
Tanpa perit jerihmu, pasti tiada aku di sini  
Darimu aku banyak belajar  
bagaimana engkau menghadapi masalah  
tanpa mengeluh sedikit pun  
Al-fatihah buatmu ayah

### **Titipan untuk bonda tercinta**

Kiriman doamu mengiringi langkahku  
Hanya memberi, tak harap kembali  
bagai Sang Suria menyinari hidupku

### **Titipan untuk pensyarah yang disanjung**

Aku hadir disini  
Bukan kerana guru,  
Tapi kerana ilmu dan kebaikan  
yang kamu tunjukkan padaku  
Moga sentiasa dalam lindunganNYA dan dimewahkan kebahagiaan

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

## **KESILAPAN SINTAKSIS DALAM PENULISAN MEMO DALAMAN**

Oleh

**NORLIA BINTI PUTIT**

**September 2020**

**Pengerusi : Profesor Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Penyelidikan ini, menjelaskan kesilapan sintaksis dan mendeskripsikan bentuk kesilapan sintaksis yang merangkumi kesilapan penggunaan tanda baca dalam penulisan memo dalaman oleh pihak pengurusan di Institut Pendidikan Guru di Kota Samarahan, Sarawak. Kriteria bagi kesempurnaan ayat sebagai suatu unit bahasa yang gramatis ialah bentuknya yang sempurna dari sudut sintaksis dan tidak mengalami penyimpangan dan pelanggaran bahasa dan tulisan. Oleh yang demikian, objektif penyelidikan ini adalah menjelaskan kesilapan sintaksis dalam penulisan isi kandungan yang digunakan dalam memo dan menghuraikan kesilapan tanda baca dalam penulisan isi kandungan memo dalaman. Kajian ini berlandaskan Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga oleh Nik Safiah Karim et.al., (2015) yang merupakan hasil kajian tatabahasa bahasa Melayu yang komprehensif. Hubungan butir linguistik dalam ayat dijelaskan melalui rumus yang telah diketengahkan dalam Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015). Bahan kajian terdiri daripada memo dalaman yang telah dikeluarkan oleh pihak pengurusan Institut Pendidikan Guru di Kota Samarahan, Sarawak sepanjang Januari sehingga Ogos 2015. Data dianalisis secara kualitatif dan dipersembahkan secara deskriptif. Dari aspek kesilapan sintaksis pula, kesilapan dalam aspek pembentukan ayat dan frasa merupakan kesilapan yang paling kerap ditemukan dalam penulisan isi kandungan memo. Data linguistik juga menunjukkan bahawa terdapat enam kesilapan tanda baca yang kerap hadir dalam isi kandungan memo ini, iaitu kesilapan tanda noktah (.), koma (,), koma bertitik (;), titik bertindih (:), kurung (()) dan garis miring (/). Kesilapan tanda noktah merupakan kesilapan yang kerap dilakukan oleh penulis memo kajian penyelidik.

Kata kunci: bahasa Melayu, kesilapan sintaksis, tanda baca, penulisan memo, sintaksis, kesilapan tanda baca, sistem tanda baca

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment  
of the requirement for the degree of Master of Arts

## SYNTACTIC ERROR IN INTERNAL MEMO WRITING

By

**NORLIA BINTI PUTIT**

**September 2020**

**Chairman : Professor Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

This research explains about sentence patterns and describes forms of syntactic error, including the use of punctuation in writing of internal memos by the management at the Institute of Teacher Education Tun Abdul Razak Campus in Kota Samarahan, Sarawak. Perfect syntax form with word order in a sentence and with the agreement of words are the criteria for perfect sentence writing in a grammatical unit of language. Therefore, the research objectives are to explain about the syntactic errors and to further clarify the punctuation errors in the content of the internal memos. This study is based on the third edition *Dewan Bahasa dan Pustaka* by Nik Safiah Karim et al, (2015) which its study indicating the comprehensiveness of Malay Language grammar. The relationship of linguistic details in sentences is explained through the formulation that has been highlighted in the third edition *Dewan Bahasa dan Pustaka (2015)*. The research material consisted of internal memos issued by the management of the Institute of Teacher Education Tun Abdul Razak Campus in Kota Samarahan, Sarawak from January to August 2015. Data are analyzed qualitatively and presented descriptively. In terms of syntactic errors, the sentence and phrase formation are the most significantly more frequently errors found in the content writing of these memos. Linguistic data indicate six common punctuation errors that frequently occur in the content memos which are the period (.), coma (,), semi-colon (;), colon (:), parentheses (()) and forward slash (/). In addition, the researcher has found that the most significant frequent error is the period (.).

Key words: Malay language, syntactic errors, punctuation, writing memo, syntax, punctuation errors, punctuation system

## PENGHARGAAN

**“Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, Tuhan yang Memelihara dan Mentadbirkan sekalian alam. Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani”**

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada pensyarah penyelia, Profesor Vijayaletchumy A/P Subramaniam (PHD) yang telah banyak memberikan bimbingan, teguran dan tunjuk ajar sehingga kajian ini disempurnakan. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih atas kesabaran dan kesungguhan beliau melayani, menyantuni saya sepanjang beliau membimbing saya untuk menyiapkan penulisan ilmiah ini. Sesungguhnya segala dorongan, panduan, semangat dan bantuan yang beliau berikan sangat saya sanjungi dan hargai.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Tajaan di atas kurniaan tajaan cuti belajar. Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada pihak IPG Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan atas ihsan memberikan kerjasama yang sangat baik sepanjang penyelidikan dijalankan. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberikan sokongan, dokongan dan bantuan.

Salam kasih sayang juga ditujukan khas untuk bonda dan suami tersayang Abdul Hamid bin Hj. Morsalin yang sentiasa mendoakan dalam menyiapkan tesis ini. Buat anakanda tercinta Akmal Danish, Aina Dania dan Auni Damia semoga kalian akan tidak pernah jemu untuk menjejak kejayaan yang cemerlang suatu hari kelak. Segala rintangan menjadi pemangkin kepada penyelidik dan menjadikan penyelidik seorang yang tabah dalam menghadapi kehidupan mendatang yang lebih mencabar. Akhir sekali, ucapan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak sepanjang menyiapkan kajian ini. Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalas budi baik kalian semua. Sesungguhnya segala yang baik itu daripada Allah S.W.T dan yang buruk itu daripada kelemahan diri penyelidik sendiri.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

**Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD**

Profesor  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Normaliza binti Abd Rahim, PhD**

Profesor  
Fakulti Bahasa Moden dan komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 9 Jun 2022

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Norlia binti Putit



## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Profesor Dr. Vijayaletchumy a/p Subramaniam

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Profesor Dr. Normaliza binti Abd Rahim

## JADUAL KANDUNGAN

### Muka surat

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI CARTA</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Bahasa dalam Komunikasi	1
	Sintaksis	4
	Tanda Baca Bahasa Melayu	5
	Pernyataan Masalah	6
	Objektif Kajian	9
	Persoalan Kajian	9
	Batasan Kajian	9
	Kepentingan Kajian	10
	Definisi Operasional	12
	Analisis Kesilapan	12
	Sintaksis	12
	Memo	12
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	14
	Kajian Kesilapan Sintaksis Bahasa Melayu	14
	Kajian Analisis Kesilapan Tanda Baca	15
	Kajian Penerapan Tatabahasa Dewan dalam Kesilapan Sintaksis Bahasa Melayu dan Analisis Kesilapan Tanda Baca	16
	Perkaitan antara Sorotan Kajian dengan Kajian Penyelidik	18
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	19
	Reka Bentuk Kajian	19
	Kerangka Teori	19
	Kerangka Konseptual	19
	Kaedah Kajian	20
	Kaedah Kepustakaan	20
	Kaedah Analisis Kandungan Dokumen	21
	Tempat Kajian	21
	Alat Kajian	21
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	22
	Memo	22

Tatacara Kajian	22
Kajian Rintis	22
Kajian Sebenar	22
Penganalisan Data	23
<b>4 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>25</b>
Kesilapan Sintaksis Isi Kandungan Memo Dalam	25
Analisis Kesilapan Sintaksis Isi Kandungan Memo Dalam	26
Analisis Kesilapan Tanda Baca dalam Isi Kandungan Memo Dalam	32
Rasional Rumus Tatabahasa Dewan dan Dapatan Kajian	52
<b>5 RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>54</b>
Rumusan	54
Cadangan	55
Cadangan Kajian Selanjutnya	56
<b>RUJUKAN</b>	<b>58</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>61</b>
<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>112</b>
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>113</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Senarai Tanda Baca dalam Tulisan Bahasa Melayu Moden	5
2	Senarai Batasan Kajian Tanda Baca dalam Isi Kandungan Memo Dalam	10
3	Kesilapan Sintaksis Isi Kandungan Memo Dalam	26
4	Senarai Kesilapan Tanda Baca dalam Isi Kandungan Memo Dalam	33
5	Kesilapan Tanda Noktah Menandai Singkatan dalam Penulisan Memo Dalam	35


## SENARAI CARTA

<b>Carta</b>	<b>Muka surat</b>
4.1 Kesilapan Sintaksis Isi Kandungan Memo Dalaman	26
4.2 Senarai Kekerapan Kesilapan Tanda Baca dalam Isi Kandungan Memo Dalaman	34



## SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
IPG	Institut Pendidikan Guru
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MAMPU	Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
PKMA	Pusat Khidmat Maklumat Akademik



# BAB 1

## PENDAHULUAN

### Latar Belakang Kajian

#### Bahasa dalam Komunikasi

Tugas asas bahasa ialah sebagai bahan perantara untuk berkomunikasi antara satu pihak kepada pihak yang lain dalam mana-mana masyarakat. Walaupun bahasa mempunyai struktur yang kompleks, namun begitu bahasa boleh dianalisis dan diperlihatkan secara sistematik. Sebelum wujudnya sistem bahasa tulisan, semua bahasa dimulai dengan bahasa lisan. Menurut Faridah Nazir dan Tuan Jah Tuan Yusof (2013), bahasa ialah satu sistem ujaran dan tulisan konvensional yang digunakan oleh manusia untuk berkongsi budaya dan berkomunikasi antara satu sama lain. Menurut Faridah Nazir dan Tuan Jah Tuan Yusof (2013) lagi, bahasa yang dituturkan oleh manusia boleh melambangkan dan meninggalkan impak berkaitan corak pemikiran, sekali gus perkembangan serta perubahan sesuatu budaya. Secara umumnya, alat yang digunakan sebagai bahan sokongan manusia menyalurkan idea, pendapat, maklumat dan percakapan terus kepada pihak lain ialah bahasa. Oleh yang demikian, untuk menyalurkan maklumat daripada individu kepada individu yang lain bahasa menjadi alat yang penting untuk berkomunikasi.

Bahasa menurut pandangan Arbak Othman (1983), berfungsi sebagai alat yang dipakai oleh manusia untuk berkomunikasi. Oleh itu, dalam usaha untuk mempertingkatkan dan memperlihatkan fungsi ini, bahasa dijadikan bahan langsung sebagai tumpuan pengkajian. Hakikatnya, untuk menjadikan manusia dapat berhubung antara satu pihak kepada pihak yang lain, dan membolehkan manusia untuk saling berkomunikasi dan saling berkongsi pengalaman, bahasa menjadi wadah atau alat yang sangat penting. Melalui bahasa, manusia boleh menyampaikan maksud, dan melalui bahasa juga manusia boleh memahami maksud. Selain itu, alat yang digunakan untuk menyampaikan keinginan manusia mahupun perasaan manusia yang dihadapi ialah bahasa yang dituturkan oleh manusia itu sendiri. Bahasa yang sering digunakan sebagai wahana komunikasi wujud dalam dua bentuk, walaupun terdapat pelbagai ragam bahasa yang lain, iaitu ragam bahasa berkod dan ragam bahasa isyarat. Kedua-dua bentuk yang wujud dalam bahasa ini adalah dalam bentuk tulisan dan lisan.

Lufti Abas (1975), mentakrifkan bahasa dalam bidang linguistik sebagai data yang dianalisis yang dituturkan melalui suatu sistem lambang yang yang terangkum daripada audio atau bunyi-bunyi, yang telah diperakui bersama dan difahami oleh sekelompok manusia, seterusnya berdasarkan simbol yang wujud ini manusia akan berhubung. Menurut Harimurti (1984) pula, makna bahasa ditakrifkan dengan lebih terperinci dan tepat, iaitu bahasa merupakan sistem simbol yang digunakan oleh anggota sesebuah masyarakat atau komuniti sebagai alat untuk

mengidentifikasi diri mereka, dan juga sebagai alat untuk berkomunikasi sesama mereka, yang bersifat arbitrari. Sistem perhubungan lain yang bersifat ikonik, iaitu tindak balas alamiah seperti mendengus apabila marah, dan mengaduh apabila sakit, merupakan sifat kearbitrarian yang terdapat pada bahasa. Hal yang demikian telah membezakan bahasa yang wujud pada manusia. Bagi semua masyarakat manusia, perhubungan yang bersifat ikonik adalah bersifat hampir sama, sedangkan sebagai wahana komunikasi, bahasa amat berlainan berdasarkan satu rumpun bahasa kepada satu rumpun bahasa yang lain, sama ada diukur dari aspek kecekapan, budaya berbahasanya atau sistem formalnya.

Perkara yang dinyatakan oleh Lufti Abas (1975) di atas turut diperjelas oleh Ajid Che Kob, iaitu:

*Alat yang paling dan kerap digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi adalah bahasa. Ini tidak pula bererti bahawa alat-alat lain tidak dapat digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi. Manusia dapat menggunakan siulan, tepukan, lambaian, isyarat dan lain-lain lagi untuk berkomunikasi. Namun komunikasi yang demikian tidaklah begitu lengkap dan sempurna untuk memenuhi segala keperluan dan tujuan komunikasi.*

*(Ajid Che Kob, 1980:34)*

Zulkifley Hamid et.al. (2007), menjelaskan bahawa bahasa digunakan oleh manusia, mempunyai dua peranan utama, iaitu untuk menyalurkan segala maklumat dan makna yang lahir daripada akal budi manusia kepada pihak yang dihadapi, sama ada pihak pembaca atau pendengar. Bahasa turut membolehkan manusia untuk menerima maklumat daripada kawasan persekitaran, sama ada dalam bentuk rangsangan lisan atau tulisan. Oleh itu, sesebuah masyarakat tidak akan dapat dibina, sekiranya bahasa yang digunakan tidak difahami oleh sesuatu pihak atau golongan yang tertentu. Hal ini demikian kerana, sesuatu pihak atau golongan masyarakat yang berupaya menyalurkan dan memahami maklumat dengan baik dan mudah, menunjukkan skema perhubungan yang saling memahami antara satu sama lain. Situasi ini jelas menjadi asas terbinanya struktur sesebuah masyarakat yang utuh dan kukuh dalam proses komunikasi.

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini memegang peranan sebagai bahasa untuk berkomunikasi dan berperanan sebagai bahasa rasmi. Pernyataan ini telah diperihalkan secara tuntas dalam perlembagaan negara kita. FASAL (1) Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa, “Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang Parlimen”. Kenyataan ini secara jelas meletakkan bahasa Melayu pada satu tahap yang tidak dapat dipertikaikan kedudukannya oleh mana-mana pihak dan digunakan oleh masyarakat untuk berkomunikasi, khususnya dalam urusan rasmi. Justeru, dalam konteks ini pengisian untuk mengekalkan dan memartabatkan kedudukan bahasa Melayu hendaklah bertujuan untuk memastikan bahawa bahasa Melayu ini dihormati dan sentiasa digunakan dalam urusan rasmi dengan betul dan tepat. Komunikasi rasmi yang melibatkan penggunaan rasmi secara lisan dan tulisan



dalam organisasi kerajaan khususnya, harus mengaplikasikan penggunaan bahasa yang tepat dan betul sekali gus menjadi amalan yang berterusan.

Penggunaan dokumen rasmi dalam menyalurkan dan menyampaikan maklumat di sesebuah organisasi merupakan salah satu daripada saluran komunikasi rasmi dalam bentuk bertulis. Antara dokumen rasmi yang sering digunakan sebagai media komunikasi dalam bentuk bertulis dalam sesebuah organisasi ialah memo dalaman. Memo merupakan alat komunikasi yang penting dalam sesebuah organisasi. Melalui memo, segala arahan, pesanan, teguran, peringatan dan buah fikiran penulis memo disampaikan dalam bahasa tulisan dan dikirim untuk makluman dan tindakan penerima. Umumnya, ragam bahasa memo sebagai alat komunikasi rasmi disampaikan dengan menggunakan bahasa yang baik, ringkas, padat dan tepat. Komunikasi rasmi yang berlangsung boleh berjalan dengan lancar sekiranya pengguna bahasa itu cekap menguasainya.

Memo dalaman merupakan dokumen rasmi yang digunakan sebagai alat komunikasi lisan yang berhubung kait tentang kepentingan tugas atau arahan kerja yang perlu dilakukan oleh penerima. Walaupun membuat dan menulis memo menjadi kebiasaan dalam sesebuah organisasi, namun tidak bererti kegiatan ini menjadi sangat mudah dan dipandang ringan oleh setiap pihak dalam sesebuah organisasi tertentu. Penyampaian bahasa dalam memo yang dikeluarkan semestinya ringkas, padat, tepat, santun, mudah difahami dengan tidak mengabaikan rumus tatabahasa.

Pada lazimnya, fungsi penggunaan memo sebagai wahana komunikasi dalam sesebuah organisasi adalah sama dengan fungsi surat rasmi. Kendatipun begitu, *Modul Asas Tatabahasa dan Asas Penulisan Dokumen Rasmi (2016)* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, secara umumnya menggariskan fungsi memo dalaman adalah sebagai peringatan dan catatan hasil perbincangan dalam sesuatu mesyuarat untuk dijadikan asas kepada sesuatu keputusan di jabatan-jabatan. Di samping itu, penyampaian yang berterusan melalui maklumat bertulis secara berterusan berlaku antara pihak yang terlibat dalam sesebuah organisasi merupakan antara fungsi memo. Seterusnya, fungsi memo sebagai dokumen rasmi untuk memastikan bahawa berlakunya komunikasi bertulis yang berterusan daripada majikan kepada pekerja dalam usaha melicinkan urusan dalam sesebuah organisasi untuk mengelakkan salah faham dalam komunikasi. Penggunaan memo dalam sesebuah organisasi mampu menjimatkan masa pihak pengurusan. Hal ini kerana, maklumat yang disebarkan melalui memo dapat disampaikan dengan segera tanpa mesyuarat yang memerlukan masa untuk mendapatkan sesuatu keputusan. Selain itu, memo berfungsi untuk memastikan bahawa urusan yang dipertanggungjawabkan kepada anggota sesebuah organisasi dilaksanakan dengan baik.

Kecekapan dan kemahiran dalam berbahasa amat penting untuk memastikan bahawa komunikasi yang berlaku dapat difahami dan memberikan manfaat kepada individu yang terlibat. Walau apapun takrifan yang dikemukakan tentang bahasa, satu hal yang nyata ialah, bahasa amat penting dalam menjalani kehidupan harian kita. Tegasnya, melalui bahasa itu sendiri manusia dapat berkomunikasi, meluahkan

perasaan dan hasrat, menyampaikan ilmu, budaya, peradaban, agama dan mengungkap keindahan dalam pelbagai wahana. Bahasa sebagai wahana berkomunikasi amat penting untuk memperkatakan bermacam-macam aspek, bidang, hal dan peristiwa dalam kehidupan harian manusia.

Namun begitu, proses komunikasi akan terjejas dan meluputkan peranan bahasa sebagai alat komunikasi, seandainya terdapat pihak yang tidak cekap menggunakan sesuatu bahasa itu. Kajian penyelidikan ini memastikan bahawa kecekapan dalam penggunaan tatabahasa berlaku terutama dalam penulisan memo yang meliputi pemilihan penggunaan ayat yang betul dan aspek tanda baca dalam bahasa Melayu. Natijahnya, maklumat yang disampaikan dapat difahami dan dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat, sekali gus melancarkan komunikasi dalam sesebuah organisasi.

### **Sintaksis**

Istilah sintaksis berasal daripada bahasa Yunani, iaitu *sun* yang bererti “dengan” dan *tattein* yang bererti “menempatkan bersama-sama”. Oleh yang demikian, sintaksis secara etimologi dapat diertikan sebagai “menempatkan kata-kata secara bersama untuk menjadi kelompok kata atau ayat”. Kata *suntattein* ini kemudian menjadi istilah *syntaxis* dalam bahasa Belanda, dan *syntax* dalam bahasa Inggeris (Ahmad Khair Mohd Nor, 2003:2).

Nik Safiah Karim et.al (1996), mentakrifkan sintaksis sebagai bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan binaan atau konstruksi ayat. Beliau juga menjelaskan kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa (Nik Safiah Karim et. al. 2015: 339).

Arbak Othman (1980), menjelaskan bahawa kegramatisan sesuatu ayat ditentukan oleh kepatuhan rumus yang ditetapkan. Sesuatu ayat tersebut dengan sendirinya menjadi tidak gramatis, sekiranya ayat itu tidak mematuhi hukum ketatabahasaan yang terdapat dalam sesuatu bahasa. Oleh itu, ayat yang mematuhi hukum rumus ayat dalam sesuatu bahasa menjadikan ayat tersebut sebagai ayat yang gramatis dan membawa maksud yang betul dan tepat. Dalam ayat bahasa Melayu, terdapat ayat dasar, iaitu ayat yang menjadi dasar atau sumber bagi pembentukan semua ayat lain dalam sesuatu bahasa. Hal ini turut diperjelas oleh Nik Safiah Karim et al. (2015) bahawa satu ayat dasar ialah pola yang menjadi punca kepada kewujudan dan pembentukan semua ayat yang lain dalam mana-mana bahasa. Ayat yang terbentuk dan terbit yang masih tetap mematuhi rumus tatabahasa pasti bermula daripada ayat dasar, walaupun bilangan sesuatu bahasa itu memang tidak ada hadnya, demikian juga panjang pendeknya dan kemajmukannya.

## Tanda Baca Bahasa Melayu

Dalam sistem bahasa tulisan, kemahiran dan kecekapan dalam penerapan tatabahasa standard dan kosa kata yang mapan amat diperlukan. Hal ini tidak ketinggalan juga dalam penggunaan aspek tanda baca yang tepat menurut fungsinya dalam sesuatu struktur ayat. Ismail Dahaman (2015) telah mengariskan sebanyak 18 jenis tanda baca berdasarkan fungsi dan pemakaian tanda baca. Tanda noktah (.), tanda koma (,), tanda koma bertitik (;), tanda kurung (), tanda petik (“...”) tanda petik tunggal (‘...’), tanda seru (!), tanda Tanya (?), tanda titik bertindih (:), Tanda sempang (-), tanda pisah (/), tanda elipsis (...), tanda garis miring (/), tanda penyingkat (‘), tanda ulang (2), dan tanda bebintang (\*) merupakan tanda baca yang dinyatakan dan diuraikan oleh beliau. Penggunaan tanda baca ini harus digunakan dengan betul menurut fungsi masing-masing kerana, melalui penggunaan tanda baca yang betul dan tepat dapat membantu mengukuhkan tatabahasa dan kepersisan wacana tulisan dalam bahasa Melayu. Apabila tanda baca digunakan dan diterapkan dengan jelas dan tepat, maka pertalian idea diseimbangkan dengan pertautan sintaksis untuk melahirkan wacana bahasa Melayu yang bertaraf tinggi. Senarai tanda baca dalam bahasa Melayu moden yang telah dinyatakan dan diuraikan oleh Ismail Dahaman (2015) dapat diringkaskan seperti jadual yang berikut:

**Jadual 1 : Senarai Tanda Baca dalam Tulisan Bahasa Melayu Moden**

Bil.	Jenis Tanda Baca	Simbol
1.	Tanda Noktah (Titik)	( . )
2.	Tanda Koma	( , )
3.	Tanda Koma Bertitik	( ; )
4.	Tanda Titik Bertindih	( : )
5.	Tanda Sempang	( - )
6.	Tanda Pisah	( / )
7.	Tanda Elipsis	( ... )
8.	Tanda Tanya	( ? )
9.	Tanda Seru	( ! )
10.	Tanda Kurung	( ... )
11.	Tanda Kurung Siku	( [ ... ] )
12.	Tanda Kurung Dakap	( { ... } )
13.	Tanda Petik	( “ ... ” )
14.	Tanda Petik Tunggal	( ‘ ... ’ )
15.	Tanda Garis Miring	( / )
16.	Tanda Penyingkat	( ‘ )
17.	Tanda Bebintang	( * )
18.	Tanda Ulang	( ...2 )

(Sumber : Ismail Dahaman 2015)

Menurut Ismail Dahaman (2015), tanda baca merupakan aspek dalam mekanika bahasa tulisan dan penggunaannya secara tepat dan betul dalam tulisan sangat diutamakan kerana kewujudannya berhubungan rapat dengan keunggulan tatabahasa, intonasi dalam pembacaan, dan gaya penulisan. Pembacaan dan pemahaman terhadap sesuatu teks atau tulisan boleh terganggu, sekiranya tulisan

dalam penulisan sesuatu teks tidak menggunakan tanda baca dengan cara yang tepat. Beliau turut menjelaskan beberapa tujuan dan fungsi pemakaian tanda baca dalam tulisan. Fungsi atau tujuan yang jelas pemakaian tanda baca antaranya digunakan untuk kemudahan membaca dan memahami teks kerana ia memisahkan bahagian ayat dalam wacana untuk menzahirkan intonasi yang betul. Tujuan penggunaan tanda baca juga ialah untuk membantu memperjelas maksud penulis yang dicernakan dalam bentuk bahasa tulisan supaya dapat difahami dan dihayati maksudnya dengan mudah dan cepat oleh pembaca. Selain itu, tanda baca digunakan dengan fungsi sebagai penanda yang membezakan gaya karya seseorang penulis daripada gaya penerbitan sesebuah penerbit.

Terdapat sejumlah besar tanda baca yang telah stabil dan kukuh penggunaannya berdasarkan fungsinya yang tertentu menurut dalam tulisan dan ejaan Rumi mutakhir. Pengasingan sesuatu bahagian yang terdiri daripada klausa atau ayat atau kata atau frasa daripada yang sebelumnya atau berikutnya merupakan fungsi tanda baca sebagai tanda berhenti dalam pembacaan. Menurut Ismail Dahamn (2015), dua kategori utama tanda baca telah digunakan dalam tulisan Rumi berdasarkan kedudukan sesuatu tanda baca tersebut dalam ayat. Dua kategori utama tersebut ialah jenis tanda baca tunggal dan jenis tanda baca rangkap. Jenis pertama, iaitu tanda baca tunggal ialah tanda baca yang menduduki satu ruang di belakang sesuatu frasa atau klausa atau kata atau ayat, iaitu tanda koma, noktah, titik bertindih, koma bertitik, pisah, sempang, seru, tanya, penyingkap, ulang dan garis miring. Manakala jenis kedua, iaitu jenis tanda baca rangkap yang menduduki dua ruang sebagai pengapit di kiri dan kanan sesuatu frasa atau klausa atau kata atau ayat ialah “tanda kurung siku, kurung dakap, kurung, petik tunggal, petik dan pisah.

Namun begitu, menurut Nuwairi Khazaai (1991), fungsi tanda baca akan terjejas sekiranya—tanda baca tidak digunakan dengan betul dan tepat. Nuwairi dalam kajiannya tentang bentuk kesalahan dalam surat rasmi juga berpendapat bahawa kesan dan akibat penggunaan tanda baca yang tidak betul dan tepat akan mengganggu struktur ayat serta mengubah maksud ayat yang ingin disampaikan. Jelaslah bahawa, tanda baca yang wujud dalam tulisan Rumi ini boleh membantu menentukan intonasi yang betul dalam pembacaan dan memperkukuh struktur wacana bahasa, sekali gus membantu kelancaran sesuatu komunikasi dalam sesebuah organisasi.

### **Pernyataan Masalah**

Analisis berkaitan kesilapan sintaksis dalam penulisan telah lama bertapak di Malaysia, tetapi tidak banyak kajian tentang analisis kesilapan sintaksis dalam isi kandungan memo ini dikaji, terutama dari aspek kesilapan sintaksis bahasa Melayu dan kesilapan tanda baca. Kajian lepas lebih tertumpu kepada kajian terhadap surat rasmi, karangan pelajar dan teks dalam cerpen dan novel.

Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, memperuntukkan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan hendaklah digunakan sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran negara. Dalam konteks masyarakat Malaysia sendiri, masyarakat sedia maklum bahawa bahasa Melayu berkepentingan untuk memegang dan mendukung peranan seperti yang “diperuntukkan dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan dan Akta bahasa Kebangsaan 1963/67” tersebut. Rentetan itu, dalam bidang pengurusan sektor awam, pihak kerajaan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2006 yang bertajuk “Langkah-langkah memperkasakan bahasa Kebangsaan dalam urusan rasmi”. Arahan kerajaan tentang perkara ini diperkukuh melalui Surat Pekeliling Bilangan 9 Tahun 2011 yang bertajuk “Penggunaan bahasa Kebangsaan dalam perkhidmatan awam”. “Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2011” telah menggariskan beberapa tanggungjawab Pegawai Awam dan Anggota Pentadbiran, iaitu antaranya:

*Perkara 7: Bagi memastikan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam dapat dilaksanakan dengan berkesan, maka semua pegawai awam hendaklah menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan baik dan betul dalam semua urusan rasmi sama ada secara bertulis atau lisan.*

*Perkara 8: “Pegawai juga hendaklah melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan Bahasa Kebangsaan yang baik dari segi ejaan, sebutan, istilah dan tatabahasa serta menghayati aspirasi penggunaannya semasa berkomunikasi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab”.*

*Perkara 13: “Anggota Pentadbiran juga hendaklah mengguna dan mengutamakan Bahasa Kebangsaan yang baik dan betul serta meluas dalam setiap urusan dengan matlamat untuk memartabatkan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam”.*  
*(Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2011)*

Namun demikian, dalam pematuhan arahan ini, berdasarkan perutusan Mantan “Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin” semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Bahasa Kebangsaan Bil.2/2014 pada 9 September 2014 di Kementerian Pendidikan Putrajaya didapati bahawa mutu dan “tahap penggunaan bahasa kebangsaan dalam perkhidmatan awam masih berada pada tahap sederhana baik” dan banyak perkara yang perlu diperbaiki untuk memantapkan penyampaian khidmat awam kepada masyarakat.

Penemuan kesilapan sintaksis yang dilaksanakan semasa kajian rintis turut mendesak agar penyelidikan selanjutnya dijalankan. Sekiranya mutu dan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan perkhidmatan awam masih berada pada tahap sederhana baik, taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan akan terjejas dan peluasan fungsinya tidak terjamin untuk dilestarikan secara tuntas.

Selain itu, kajian kepustakaan yang telah dijalankan, penyelidik mendapati bahawa kajian yang berfokus pada analisis kesilapan sintaksis isi kandungan memo dalaman masih kurang dijalankan. Kebanyakan kajian lepas yang telah dibuat lebih berfokus

pada analisis kesilapan sintaksis dalam karangan pelajar, surat rasmi, teks dalam novel dan cerpen. Kajian berkaitan kesilapan sintaksis karangan pelajar ini telah dijalankan oleh Arpah Abdul Rashid (2010) yang memfokuskan kajian terhadap kesilapan struktur ayat majmuk dalam karangan pelajar. Walaupun membuat dan menulis memo menjadi kebiasaan dalam sesebuah organisasi, terdapat maksud yang tidak jelas disampaikan oleh penulis memo. Berdasarkan pengamatan awal penyelidik ke atas isi kandungan memo ini juga mendapati bahawa terdapat beberapa kesilapan yang ketara dalam penulisan isi kandungan memo ini dan kesilapan ini sering berulang pada tempat yang sama. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kesilapan yang berlaku dalam isi kandungan memo ini. Salah satu daripadanya adalah kerana penulis memo kurang faham dan tidak kompetensi terhadap kaedah ketatabahasaan. Fenomena ini telah menjejaskan ketrampilan berbahasa dan proses komunikasi dalam kalangan pihak pengurusan, sekali gus mengganggu proses penyampaian maklumat yang berkesan dalam sesebuah organisasi.

Berdasarkan kajian rintis yang telah dilaksanakan ke atas isi kandungan memo dalaman ini juga, penyelidik mendapati bahawa kecenderungan pembuat memo ini melakukan beberapa kesilapan sintaksis yang berulang pada kesilapan yang sama. Sekiranya hal ini dibiarkan secara berterusan, sudah pasti hasrat murni pihak kerajaan untuk memartabatkan dan memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan akan terjejas. Oleh yang demikian, penyelidik mengambil kira kelompongan dalam kesilapan sintaksis bahasa Melayu dalam isi kandungan memo dalaman ini sebagai salah satu objektif kajian yang akan difokuskan oleh penyelidik sepanjang melaksanakan kajian.

Dalam aspek penggunaan tanda baca kajian lampau yang dijalankan oleh beberapa orang penyelidik lebih berfokus pada penulisan surat rasmi, teks karangan pelajar, novel dan cerpen. Kajian terhadap analisis isi kandungan memo dalaman dalam semua aspek masih kurang diberikan penumpuan yang serius oleh mana-mana pihak. Namun begitu, terdapat usaha daripada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaku penyelaras, perancang dan pengubal bahasa Melayu bertindak mengaudit penggunaan bahasa yang terdapat dalam dokumen rasmi di jabatan kerajaan. Usaha yang dijalankan oleh pihak DPB ini masih tidak mencukupi untuk memastikan bahawa kecekapan berbahasa dalam kalangan penjawat awam dalam sesebuah organisasi berada pada tahap yang tinggi. Salah seorang penyelidik yang memberikan tumpuan dalam aspek tanda baca dalam isi kandungan surat rasmi ini ialah Nuwairi Khazaai (1991). Beliau menghuraikan bahawa aspek tanda baca merupakan salah satu aspek penting yang terdapat dalam struktur sintaksis. Tanpa penggunaan tanda baca yang tepat, impaknya akan menjejaskan struktur sintaksis dan akan menghasilkan pemahaman yang lain terhadap maksud sesuatu ayat. Justeru itu, penyelidik memanfaatkan kekurangan dan mengisi kelompongan analisis terhadap isi kandungan memo dalaman ini untuk mengenal pasti tanda baca, sekali gus menjelaskan kesilapan sintaksis bahasa Melayu dalam penulisan isi kandungan memo dalaman.

Salah seorang penyelidik yang berfokuskan kesilapan tanda baca adalah Riri Aryanti (2019). Riri Aryanti (2019) dalam kajiannya tentang aspek penggunaan tanda baca dalam penulisan laporan surat khabar Mercusuar mendapati bahawa terdapat sembilan kesilapan tanda baca dalam kajian beliau. Beliau turut menghuraikan bahawa penggunaan yang kurang tepat dalam penggunaan tanda baca dalam penulisan laporan dalam surat khabar akan memberikan maksud yang berlainan kepada pihak yang membaca laporan tersebut. Chaer (2006) mengatakan bahawa tanda baca merupakan tanda yang digunakan dalam bahasa tulisan agar ayat yang ditulis dapat difahami oleh orang yang membaca ayat tersebut. Penggunaan tanda baca yang menyimpang ini akan membantutkan usaha untuk memperkasakan bahasa Melayu kepada generasi baharu. Justeru itu, penyelidik telah memilih memo dalaman sebagai bahan kajian penyelidik.

### **Objektif Kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah dan persoalan kajian yang telah dikemukakan, penyelidik telah menggariskan beberapa objektif kajian seperti yang berikut:

- i. Menjelaskan kesilapan sintaksis yang terdapat dalam penulisan isi kandungan memo dalaman.
- ii. Menghuraikan kesilapan tanda baca yang terdapat dalam isi kandungan memo dalaman.

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti beberapa perkara berhubung dengan analisis bentuk kesilapan sintaksis dan kesilapan tanda baca yang terdapat dalam isi kandungan memo. Kajian ini juga akan menjawab persoalan seperti:

- 1) Apakah bentuk kesilapan sintaksis bahasa Melayu yang terdapat dalam isi kandungan memo dalaman?
- 2) Apakah gejala kesilapan tanda baca yang terdapat dalam isi kandungan memo dalaman?

### **Batasan Kajian**

Kajian ini meliputi 50 helai memo dalaman yang telah dikeluarkan dari Januari 2015 sehingga Ogos 2015 oleh pihak pengurusan di sebuah IPG, Kota Samarahan, Sarawak. Memo dalaman yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan di IPG, Kota Samarahan ini merupakan memo dalaman yang bersifat tidak rahsia dan diedarkan secara dalaman, sama ada dalam bentuk arahan, peringatan, penjelasan dan pemakluman kepada penerima memo.

Kajian ini akan menumpukan perhatian kepada dua aspek dalam penulisan memo, iaitu dari aspek kesilapan sintaksis dalam bahasa Melayu dan tanda baca. Penyelidik membataskan kajian kepada dua aspek utama ini berdasarkan objektif kajian yang telah dikenal pasti. Aspek pertama memfokuskan kesilapan sintaksis bahasa Melayu yang terdapat dalam isi kandungan memo dalaman.

Setiap kesilapan sintaksis dalam isi kandungan memo dalaman akan dianalisis untuk mengenal pasti kesilapan sintaksis bahasa Melayu yang terdapat dalam isi kandungan memo dalaman, dan seterusnya dijelaskan kesilapan sintaksis dalam bahasa Melayu ini berdasarkan rumus tatabahasa yang terdapat dalam Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015).

Aspek kedua kajian ini merupakan analisis kesilapan penggunaan tanda baca dalam isi kandungan memo dalaman. Penyelidik akan mengenal pasti kesilapan tanda baca tersebut terlebih dahulu, dan seterusnya menghuraikan kesilapan tersebut secara lebih terperinci. Satu daripada perkara yang penting dalam penulisan ialah penggunaan tanda baca. Walaupun terdapat 18 tanda baca yang terdapat dalam tulisan Rumi bahasa Melayu, namun demikian penyelidik hanya memberikan perhatian dan penelitian kesilapan daripada enam aspek tanda baca, iaitu tanda noktah/ titik (.), koma (,), koma bertitik (;), titik bertindih (:), kurung () dan garis miring (/) yang tidak digunakan dengan betul dan tepat dalam penulisan memo dalaman. Senarai tanda baca berdasarkan batasan kajian penyelidik adalah seperti yang berikut:

**Jadual 2 : Senarai Batasan Kajian Tanda Baca dalam Isi Kandungan Memo Dalaman**

Bil.	Jenis Tanda Baca	Simbol
1.	Tanda Noktah (Titik)	(.)
2.	Tanda Koma	(,)
3.	Tanda Koma Bertitik	(;)
4.	Tanda Titik Bertindih	(:)
5.	Tanda Kurung	(( ))
6.	Tanda Garis Miring	(/)

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dilakukan berdasarkan isi kandungan memo dalaman yang telah dikeluarkan oleh pihak pengurusan di IPG, Kota Samarahan, Sarawak. Aspek kesilapan sintaksis yang berfokus kepada kesilapan sintaksis bahasa Melayu dan tanda baca telah dipilih untuk dianalisis kerana aspek ini penting untuk menentukan maklumat yang hendak disampaikan tepat dan mudah difahami, sekali gus meningkatkan keterampilan berbahasa dalam kalangan pihak yang terlibat, khususnya terhadap pihak pengurusan yang merupakan golongan penjawat awam sebagai pemacu dalam memartabatkan bahasa rasmi negara.



## **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

Hasil kajian ini diharap dapat memberikan manfaat kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Analisis kesilapan dalam kajian penyelidik ini memaparkan beberapa aspek kesilapan sintaksis dan terdapat kesilapan penggunaan tanda baca yang kerap dilakukan oleh pihak pengurusan dapat dijadikan landasan untuk merangka dan merancang strategik latihan untuk warga KPM, khususnya pihak yang terlibat dalam bidang pengurusan. Latihan berkaitan keterampilan berbahasa meliputi aspek penulisan isi kandungan memo mampu menjadi landasan kepada pegawai sektor awam untuk memantapkan kemahiran dan pengetahuan bahasa Kebangsaan mereka, sekali gus bertindak sebagai pemangkin ke arah memartabatkan dan memperkasakan bahasa Melayu dalam sektor awam.

## **Institut Perguruan Malaysia (IPG)**

Kepentingan kajian ini dapat dimanfaatkan juga oleh pihak Institut Perguruan Malaysia (IPG). Untuk melahirkan bakal pendidik yang peka terhadap keterampilan bahasa, pensyarah di Institut Pendidikan Guru dapat memberikan arahan kepada guru pelatih tentang penulisan memo secara ringkas, padat, tepat, santun, mudah difahami dengan tidak mengabaikan singkatan, tanda bacaan dan struktur ayat dalam penulisan isi kandungan memo. Oleh itu, pendedahan awal kepada bakal guru yang bakal memasuki alam pekerjaan sebenar sebagai penjawat awam ini dapat membantu memartabatkan bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi dalam sektor perkhidmatan awam.

## **Penjawat Awam**

Masyarakat khususnya pihak yang terlibat dalam bidang pengurusan, sama ada sektor awam atau swasta akan mendapat manfaat daripada data kajian ini. Pihak yang terlibat dalam bidang pengurusan menggunakan data yang diperoleh untuk memperbaiki kesilapan sintaksis, sekali gus memperbaiki kesilapan penggunaan tanda baca dalam penulisan pada peringkat yang lebih awal. Pengesanan awal aspek kelemahan dalam aspek kesilapan sintaksis bahasa Melayu dan tanda baca dapat dihindari agar pihak pengurusan dapat menghasilkan bahasa yang baik dan sempurna dari sudut sintaksis. Kemampuan menstrukturkan ayat yang gramatis bagi pihak pengurusan ini adalah perlu agar penyampaian maklumat dan arahan berlangsung secara jelas dan tepat. Hal ini sekali gus membantu masalah keberkesanan komunikasi dalam sesebuah organisasi.

## **Penyelidik**

Kajian ini penting untuk penyelidik sendiri dan penyelidik lain untuk mendalami dan menambah pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tatabahasa, khususnya bidang analisis kesilapan sintaksis. Data daripada analisis kesilapan sintaksis dalam penulisan isi kandungan memo dalaman ini dapat memberikan gambaran dan panduan kepada penyelidik untuk mempraktikkan penggunaan bahasa yang betul, tepat dan baik dalam bidang pengurusan, terutamanya perkara yang melibatkan

urusan rasmi. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat menghuraikan, menjelaskan dan mempertingkatkan keupayaan dalam menguasai tatacara penulisan dokumen rasmi yang lebih berkesan dan tepat. Rentetan daripada itu juga, hasil kajian ini dapat didokumenkan dan dijadikan sebagai bahan rujukan dalam penulisan memo, sekali gus mampu mempertingkatkan keterampilan dan kebolehan berbahasa penjawat sektor awam dan swasta yang menyumbang kepada memartabatkan dan memperkasakan bahasa Melayu khususnya dapat dilakukan.

## **Definisi Operasional**

### **Analisis Kesilapan**

Kamus Linguistik (1997), mendefinisikan analisis kesilapan (*error analysis*) sebagai pendekatan yang digunakan dalam pengajaran bahasa dan merupakan teknik untuk mengukur prestasi dan tahap kemajuan dengan cara menyenaraikan, mengklasifikasikan kesilapan dan mencatat, yang dilakukan oleh individu atau kumpulan pelajar yang terlibat. Nik Safiah Karim (1980), berpendapat bahawa konsep kesilapan bahasa merupakan penggunaan sesuatu bahasa yang menyalahi peraturan atau aturan bahasa yang telah digunakan bersama, sama ada pada peringkat ayat, susunan frasa, pilihan kata atau sebutan. Berdasarkan kajian penyelidik analisis kesilapan merupakan satu penyimpangan penggunaan daripada sistem bahasa. Bahasa yang diterima sebagai baku oleh penutur bahasa dan bentuk penggunaan bahasa ini meliputi semua bidang. Antaranya kesilapan dalam aspek tatabahasa dan tanda baca. Analisis kesilapan dalam kajian penyelidik juga turut merangkumi aspek kesilapan sintaksis yang melibatkan penggunaan tanda baca yang terdapat dalam isi kandungan memo dalaman dengan teknik mencatat kekerapan kesilapan, seterusnya mengklasifikasikan kesilapan yang dilakukan dalam setiap isi kandungan memo dalaman.

### **Sintaksis**

Nik Safiah Karim et.al. (2015), mentakrifkan sintaksis sebagai salah satu cabang atau bidang bahasa yang mengkaji tentang bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Secara umumnya, kita juga dapat memahami bidang sintaksis sebagai kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa. Dalam kajian ini, sintaksis merupakan satu bidang ilmu bahasa yang mengkaji proses pembentukan ayat dasar, struktur dan pembinaan ayat atau konstruksi ayat yang menggunakan rumus tatabahasa yang telah menentukan bagaimana perkataan disusun dalam ayat untuk menjadi wacana yang bermutu.

### **Memo**

Unit Permodenan “Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri” melalui Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah MAMPU

Bilangan 5 Tahun 2014 dalam Panduan penulisan surat rasmi, menjelaskan bahawa memo memainkan peranan seperti surat rasmi tetapi pengisian isi kandungan memo “lebih ringkas, dan biasanya digunakan sebagai alat komunikasi bertulis dalam organisasi untuk berhubung secara rasmi. Penulisan memo tidak terikat kepada sesuatu” format atau bentuk yang tertentu seperti surat rasmi. Oleh itu, format atau bentuknya tidak terlalu formal dan pada kebiasaannya mempunyai catatan “salinan kepada”. Justeru, pemilihan format atau bentuk penulisan memo adalah terpulang kepada organisasi masing- masing.

*Modul Asas Tatabahasa dan Asas Penulisan Dokumen Rasmi (2016)*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur mendefinisikan memo atau memerondum merupakan satu dokumen bertulis bertujuan untuk dikemukakan kepada sesuatu pihak tertentu untuk mendapat dan memohon sesuatu keputusan dan pertimbangan, menyampaikan maklumat, menyebarkan pesanan dan peringatan, dan sebagainya.

Memo dalaman dalam konteks kajian ini merupakan dokumen singkat yang mengandungi wacana bertulis (manual/elektronik) yang disediakan dalam sesebuah organisasi untuk dikemukakan kepada sesuatu pihak untuk menyampaikan maklumat, makluman umum, arahan kerja dan memohon sesuatu keputusan daripada pihak yang terlibat. Memo digunakan bagi tujuan perhubungan rasmi antara pekerja, unit, jabatan, dan bahagian dalam organisasi yang sama sahaja.

## RUJUKAN

- Abdul Ghalib Yunus. (2012). *Soal Jawab Bahasa dengan Munsyi Dewan*. Kuala Lumpur: Marshall Cavendish Education.
- Abdullah Hassan. (1987). *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim & Mashudi Kader. (1989). *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Khair Mohd Nor. (2003). *Pengantar Sintaksis Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Ahmad Mahmood Musanif, Arbak Othman. (2001). *Teori Linguistik*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana.
- Andrian Akmajian et. Al. (1995). *Linguistik: Pengantar Bahasa dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbak Othman. (1980). *Pengantar Teori Sintaksis: Satu Pengenalan Konsep Tatabahasa Transformasi Generatif*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Arpah Abdul Rashid. (2010). *Penguasaan dan Struktur Ayat Majmuk Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Singapura*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang: Selangor Darul Ehsan.
- Arpan Shahbudin Latif. (1998). *Bahasa Melayu: Kesilapan Tatabahasa Satu Analisis*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Omar. (1983). *Penggunaan Bahasa dalam Surat Rasmi, Bahasa dalam Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1985). *Penggunaan Bahasa Malaysia di Jabatan-Jabatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1993). *Penggunaan Bahasa dalam Surat Rasmi, Bahasa dalam Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2014). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf. (1988). *Penerapan Teori Transformasi- Generatif Pada Tatabahasa Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf. (1978). "Beberapa Prinsip Dasar untuk Tatabahasa Melayu: (4) Penggolongan dan Penjenisan Ayat-Ayat Melayu" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, Bil. 8 Jil. 22, November 1978. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asraf. (1979). "Rumusan Pola- Pola Ayat Inti Bahasa Melayu" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. Bil. 7 Jil. 23. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2011). *Menilai kedudukan Bahasa Melayu di Sektor Kerajaan*. <http://klikweb.dbp>. (15 April 2015)
- Awang Sariyan. (2015). *Sintaksis Bahasa Melayu Bersumberkan Karya Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chomsky, Noah. (1957). *Syntactic Structure*. The Hague: Mouton & Co.
- Chomsky, Noah. (1965). *Aspects of the Theory of Syntac*. Cambridge, Mass: M.I.T Press.
- Chyntia Nela Maria Hebingadil. (2018). "Analisis Kesalahan Penggunaan Tanda Baca pada Tugas Harian Siswa Kelas X SMA Katolik Santo Andreas Palu" dlm. *Jurnal Bahasa & Sastra*, Volume 3 No.4. ISSN 2302-2043.
- Darwish Harapah. (1989). *Struktur Sintaksis Ayat Selapis dalam Bahasa Malaysia: Satu Analisis Transformasi Generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2016). *Modul Asas Tatabahasa dan Asas Penulisan Dokumen Rasmi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faridah Nazir & Tuan Jah Tuan Yusof. (2013). *Pengantar Linguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Goh Ong Sing & Teh Kean Hoe. (1993). *Bahasa Tulisan Pelajar Pekak: Analisis Struktur Sintaksis Ayat Berdasarkan Teori Tatabahasa Transformasi Generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harimurti Kridalaksana. (1984). *Kamus Linguistik- Edisi kedua*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Ismail Dahaman. (2015). *Canggihnya Bahasa Melayu: Sistem Tanda Baca: Kalimat Bertanda Intonasi Bergaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Junaini kasdan, Nor Suhaila Che Pa & Mohd Syamril AkImar Che Kassim. (2015). Penguasaan Bahasa Melayu Penjawat Awam: Kajian Kes di Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). *Jurnal Linguistik Vol.19 (2) Disember.2015 (045-061)*.
- Kamus Linguistik*. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liaw Yock Fang & Abdullah Hassan. (1994). *Nahu Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Liew Siew Lin, Yahya Othman & Abdul Rashid Jamian. (2003). Kesalahan Bahasa dalam Karangan Pelajar Cina Sekolah Menengah. *Jurnal Bahasa*. Jilid 3. Bil 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Lufti Abas. (1972). *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1988). *Linguistik Transformasi Generatif: Satu Penerapan pada Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1988). *Ayat dalam Bahasa Melayu: Satu Rumusan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Nik Safiah Karim *et al.* (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aina Dani. (2008). *Kaedah Penyelidikan Bahasa Melayu: Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)*. Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang: Selangor Darul Ehsan.
- Nuwairi Hj. Khazaai. (1991). *Beberapa bentuk Kesalahan dalam Surat Rasmi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ong Ching Guan. (2009). *Kuasai Struktur Ayat Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd.
- Riri Ariyanti. (2019). Analisis Kesalahan Penggunaan Huruf Kapital, Tanda Baca, dan Penulisan Kata Pada Koran Mercusuar. *Jurnal Bahasa dan Sastra*. Volume 4 No 4. Indonesia.
- S. Nathesan. (2010). *Beberapa Persoalan Penggunaan Bahasa Melayu dan Penyelesaiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Masri. (1997). *Komunikasi Berkesan: Penulisan Berita, Rencana, Ulasan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh & Rahim Aman. (2007). *Linguistik Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifley Hamid. (1994). *Bahasa: Konsep, Fungsi dan Pengusaannya oleh Penutur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.